



KENYATAAN MEDIA CO-OPBANK PERSATUAN

12 OKTOBER 2018

PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL CO-OPBANK PERSATUAN

1. Co-opbank Persatuan telah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk mendaftar pindaan undang-undang kecil bagi memperkukuhkan kedudukannya selaras dengan visi untuk menjadi sebuah bank koperasi syariah yang terunggul di Malaysia. Pindaan ini diperakukan oleh SKM di bawah Subsekyen 18(3) Akta Koperasi 1993 (Akta) berkuatkuasa pada 13 September 2018.
2. Dengan pindaan ini, Co-opbank Persatuan kini dikenali sebagai Co-opbank Pertama (CBP). Di samping itu, pindaan ini telah meluaskan ruang keanggotaan kepada individu Bumiputera Sabah dan Sarawak. Langkah ini melayakkan masyarakat Bumiputera Sabah dan Sarawak menjadi anggota CBP selaras dengan pelan pembangunan perniagaan CBP. Keanggotaan bagi koperasi pula diperluaskan kepada semua gerakan koperasi di seluruh negara yang berdaftar di bawah Akta yang sama.
3. Jumlah bayaran minimum syer anggota CBP juga telah ditingkatkan kepada RM1,000 bagi keanggotaan individu dan RM5,000 bagi keanggotaan koperasi. Walaubagaimanapun, jumlah bayaran minimum syer ini hanya terpakai bagi permohonan keanggotaan baharu berkuatkuasa pada 13 September 2018.
4. Pada masa yang sama, CBP juga menawarkan pelbagai rangkaian produk dan perkhidmatan sesuai dengan keperluan pelanggan bertepatan dengan motto CBP iaitu "Pelengkap Keperluan Kewangan Anda". Antara produk baru yang akan diperkenalkan ialah Pembiayaan Kontrak dan Pembiayaan Pemfaktoran serta penawaran perkhidmatan perniagaan Ar-Rahnu ke seluruh negara.

5. CBP mempelawa semua warganegara Malaysia yang layak khususnya Bumiputera Sabah dan Sarawak untuk menjadi anggota CBP. Pihak yang berminat boleh menghubungi talian 1-300-88-7650 atau melayari laman web <http://www.cbp.com.my> ataupun hadir ke cawangan CBP yang terdekat.

- Tamat-

**Jabatan Pengurusan Strategik
Co-opbank Pertama**

**Syaiful Arief Syah Mohamed Said
Pengurus, Transformasi
syaiful@cbp.com.my
013-3944999**

**Aminudin Ismail
Ketua, Jabatan Pengurusan Strategik
aminudin@cbp.com.my
019-575 7650**